

E-BULETIN

EDISI 15

CORETAN DARIPADA KETUA JABATAN

Ejen Bank
Luar Bandar
dan Impaknya
Terhadap
Komuniti
Setempat

Pencapaian
**EB BSN
TERBAIK**
Suku Kedua
2024

Kerjasama
Strategik
Antara
**EB BSN dan
CelcomDigi
Berhad**



EB BSN
Pemangkin
Perubahan
Ekonomi di
Kawasan
Luar Bandar

TIP & PANDUAN KESELAMATAN

Cara Mudah
Kenali *scammer*

Pelbagai
Ganjaran Menanti
Anda Dengan
**PROMOSI
BAHARU**
daripada BSN

03 | Kata-Kata
Ketua Jabatan

04 | Cerita
EB BSN

06 | Info Am
EB BSN

08 | Tip & Panduan
Keselamatan

09 | Promosi
Baharu BSN



Editorial

Pengarang
Iman Nadzirah
Anis Syahirah

Penolong Pengarang
Nina Hazrin
Rizalman Zainal

Isrunisyam Ishak
Faiz Ramzani

Produksi & Kreatif

Pengarah Kreatif
Ashura Hakim

Kreatif
Daniel Akmal
Hazman Zuhairy

Pereka Web
Sanny Hisham

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Ejen Bank Luar Bandar dan Impaknya Terhadap Komuniti Setempat

Keberadaan Ejen Bank BSN (EB BSN) dalam komuniti luar bandar berfungsi membantu komuniti setempat untuk mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan di tempat yang tiada cawangan BSN. Komuniti setempat boleh mendapatkan perkhidmatan perbankan hanya 10 radius kilometer dari kawasan tempat tinggal mereka. EB BSN kebanyakannya beroperasi seawal 8 pagi hingga 10 malam. Tiada caj tambahan yang dikenakan oleh ejen untuk pelanggan mereka.



Salah satu Ejen Bank (EB) BSN,
G One Accessories di Sitiawan, Perak

Dalam usaha untuk terus memperkasakan pelanggan, EB BSN di luar bandar juga membolehkan akses kepada perkhidmatan perbankan menjadi lebih mudah dan cepat. Pelanggan tidak perlu lagi menghabiskan masa dan kos perjalanan untuk berurusan di bandar. EB BSN akan memberikan perkhidmatan terbaik sesuai dengan keperluan pelanggan.

Untuk rujukan dan bacaan EB BSN.

Perkhidmatan perbankan yang disediakan oleh EB BSN secara tidak langsung dapat mempelbagaikan fungsi perniagaan mereka sendiri. Mereka juga boleh meningkatkan pendapatan dan menambah nilai kepada komuniti mereka.

Kami di BSN juga berusaha untuk membantu meningkatkan produktiviti dan keberkesanan EB BSN serta memastikan perkhidmatan kewangan lebih inklusif. Mari kita saksikan video temubual bersama Ketua Jabatan Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan, En. Suzaini Mukhtar di pautan ini [Klik Disini](#) untuk mendengar pesanan beliau kepada EB BSN.



Salah satu Ejen Bank (EB) BSN iaitu First
Mart Trading Sdn Bhd di Pasir Gudang, Johor

EB BSN Pemangkin Perubahan Ekonomi di Kawasan Luar Bandar

Seperti yang kita sedia maklum, perkhidmatan perbankan di sesetengah mukim mungkin tidak dapat diakses oleh komuniti setempat. Oleh yang demikian, untuk mencapai usaha kewangan inklusif, kewujudan EB BSN di kawasan luar bandar sangat memainkan peranan yang penting. Sehingga 2024, lebih 2,000 EB berdaftar dengan BSN untuk bersama-sama memberikan akses perbankan yang cepat dan mudah kepada mereka yang tiada akses terhadap perkhidmatan perbankan.



Peranan EB BSN dalam menyediakan perkhidmatan kewangan kepada komuniti luar bandar tidak dapat disangkal. Dengan infrastruktur yang dibekalkan oleh BSN, mereka dapat menyediakan perkhidmatan seperti simpanan dan pengeluaran tunai, pembayaran bil, pembelian BSN SSP dan PIN UPU, tambah nilai prabayar dan lain-lain perkhidmatan. Kehadiran EB BSN telah memudahkan komuniti ini.

Kesimpulannya, pembangunan ekonomi luar bandar tidak boleh disangkal. Penglibatan aktif komuniti dan penerapan teknologi yang lebih baik dengan usahasama daripada pelbagai pihak diharap dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang cemerlang daripada EB BSN di seluruh Malaysia. Dengan kebersamaan ini, kita boleh mewujudkan transformasi yang signifikan dalam pembangunan ekonomi luar bandar, membawa manfaat kepada komuniti setempat dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Ikuti temubual bersama salah satu Ejen Terbaik EB BSN, Soba Maju Ent di pautan ini [Klik Disini](#)



Carta EB BSN Terbaik Suku Kedua 2024



Merujuk kepada rajah di atas, berikut adalah senarai 10 Ejen Bank BSN Terbaik sehingga Jun 2024.

Tahniah dan syabas kepada semua ejen bank ini! Semoga anda terus cemerlang dan kekal sebagai ejen bank yang terbaik pada masa hadapan.

Kerjasama Strategik Antara EB BSN dan CelcomDigi Berhad

Pada 17 Mei 2024, BSN telah menjalinkan kerjasama strategik untuk mendigitalisasikan EB BSN. CelcomDigi akan menyediakan infrastruktur yang lebih komprehensif kepada lebih 2,000 EB BSN di seluruh Malaysia. Tujuan utama kerjasama strategik ini adalah untuk meningkatkan kecekapan operasi EB BSN dengan kelengkapan sokongan teknikal dan capaian Internet 5G yang lebih pantas.

Seperti yang kita sedia maklum, EB BSN adalah ejen-ejen sah yang dilantik untuk memberikan perkhidmatan perbankan kepada semua mukim. Dengan kerjasama ini, mutu perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan sekali gus memudahkan urusan perbankan komuniti di luar bandar.



Sokongan Operasi EB

Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, sila hubungi talian *helpdesk* kami.

EB BSN

EB BSN Helpdesk
1-800-88-5220

Pelanggan

Pusat Perhubungan Pelanggan
1-300-88-1900





Menjalankan/
menawarkan urusan
pembayaran pinjaman
wang secara dalam talian




Menggunakan
nama syarikat
PPW/KK berlesen
sebagai platform
bagi menawarkan
pinjaman

**Cara Mudah
Kenali
scammer**



Mengenakan
bayaran
pendahuluan



Iklan yang mengelirukan
– letak nombor telefon
untuk dihubungi sahaja



Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, tetapi untuk semua EB BSN juga. Anda boleh menikmati komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan!

Kini anda boleh berwakaf melalui akaun simpanan BSN dengan mudah dan pantas. Anda boleh lakukan wakaf tunai dalam myBSN. Selain itu, anda boleh memilih untuk menyalurkan keuntungan bulanan ke waqaf.

Peluang menang BSN SSP sehingga RM50,000 dengan simpanan minimum RM500. Buka akaun gaji anda dengan BSN dan simpan BSN SSP sekarang!

Hadiah terkumpul bernilai RM100,000 menanti anda! Menangi hadiah seperti Perodua Ativa dan iPhone 15 dengan kempen Cabutan Bertuah Pelanggan Qaseh Bakti Plus. Kempen sah sehingga 31 Disember 2024.